

23 MAR 2002

Mahathir-Kereta Kebal (Bergambar)/I
MALAYSIA BELI KERETA KEBAL POLAND

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

WARSAW, 23 Mac (Bernama) -- Malaysia telah membuat keputusan untuk membeli kereta kebal PT-91 buatan Poland, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Sabtu.

Butiran pembelian termasuk harga dan syarat-syaratnya akan dibincangkan oleh para pegawai berkaitan, katanya pada sidang akhbar di penghujung lawatan rasmi tiga harinya ke sini.

"Kita belum memutuskan bilangan tetapi buat masa ini keputusan hanya untuk membeli kereta kebal walaupun kita telah melihat demonstrasi kenderaan membuat jambatan dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir telah menyaksikan demonstrasi kereta kebal PT-91 dan beberapa kereta kebal sokongan lain oleh Briged Pertama Kereta Kebal Tadeusz Kosciuszko di Wesola, kira-kira 30km dari sini Khamis.

Mengenai keputusan itu, beliau berkata kerajaan telah menilai sistem senjata dari beberapa buah negara dan tahu mengenai kelebihan tiap-tiap senjata itu.

"Dalam kes pembelian kereta kebal, kita membuat keputusan untuk membelinya dari Poland kerana kelebihannya, bukan kerana tekanan anda," katanya kepada pemberita Poland yang bertanya sama ada keputusan itu dipengaruhi oleh kerajaan Poland, lawatan ke briged itu atau oleh media.

Menurut pengeluarannya Bumar Labedy, antara kelengkapan kereta kebal itu ialah sistem bidik dengan pengimejan tenaga haba, kemampuan menembak sambil bergerak siang dan malam, meriam 125mm dan sistem amaran laser dengan pelancar bom asap.

Ditanya sama ada pembelian itu membabitkan pakej seperti pemindahan teknologi atau pertimbangan komersil seperti perdagangan balas dengan Poland, Dr Mahathir berkata memang beberapa perkara disusun bagi mengimbanginya demi kepentingan kedua-dua pihak.

"Kita berminat mengeksport minyak sawit dan mungkin sebahagian pembayaran dibuat dengan barangan dan bukannya tunai.

"Akan ada perbincangan lanjut mengenai pemindahan teknologi dan pembuatan di Malaysia. Butiran seperti ini akan bincangkan oleh para pegawai," katanya.

Menjawab pertanyaan seorang pemberita Poland mengenai jumlah bahagian yang akan dibayar dengan minyak sawit dan jika komoditi lain terlibat, Perdana Menteri berkata jumlahnya tidak dapat diumumkan buat masa ini tetapi ada kemungkinan produk Malaysia yang lain diambil kira.

"Sudah tentu, jika anda mahu 100 peratus pembayaran dengan minyak sawit, ia boleh dilakukan, semua ini terpulang kepada perbincangan," katanya.

Malaysia juga akan mengkaji kemungkinan membeli kelengkapan lain seperti kapal perang dan helikopter, kata Dr Mahathir apabila ditanya mengenai perkara itu oleh pemberita lain.

Perdana Menteri melawat bandar pelabuhan Gdansk, 400 km dari sini semalam untuk menyaksi demonstrasi kapal perang dan helikopter.

"Kita tahu kemampuan anda bukan sahaja dalam membuat peralatan perang tetapi peralatan lain seperti kren. Sektor swasta kami akan meninjau kerjasama dalam bidang seperti itu," katanya.

Dr Mahathir tiba di sini Khamis dalam peringkat akhir rangka lawatan rasmi ke tiga buah negara. Sebelum tiba di Poland, Perdana Menteri melawat Rusia dan Jerman.

Dr Mahathir adalah Perdana Menteri pertama melawat Poland selepas

hubungan diplomatik antara dua buah negara dijalin 30 tahun lepas.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RV MOZ